

Antara Islam dan Hinduisme di alam Melayu : beberapa catatan pengkaji barat.

ABSTRACT

Makalah ini bertolak daripada pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas tentang kecenderungan pengkaji barat dalam pengamatan mereka terhadap alam Melayu. Dalam konteks ini, Al-Attas berpendapat bahawa kebanyakan pengkaji barat cenderung untuk memandang mudah peranan Islam, dan sebaliknya menonjolkan kesignifikanan Hinduisme dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Dengan mengambil kira pandangan Al-Attas tersebut, makalah ini berusaha untuk mengamati pandangan yang diutarakan tiga orang pengkaji barat, iaitu N. J. Krom (1950) dalam buku bertajuk *De Hindoe-Javaansche Tijd*; Bernard H. M. Vlekke (1959) dalam *Nusantara: A History of Indonesia* dan J. C. Van Leur (1955) dalam *Indonesia: Trade and Society*. Penelitian terhadap ketiga-tiga tulisan pengkaji barat ini melakarkan kecenderungan mereka terhadap Hinduisme yang dianggap sebagai pengaruh yang dominan di alam Melayu. Kecenderungan tersebut turut menjelaskan bahawa Islam menurut pandangan mereka juga tidak dapat menyaingi kepentingan Hinduisme di alam Melayu.

Keyword: Influence; Culture; Civilization; Malay-Indonesian Archipelago; Malay world.